

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA,  
MESYUARAT KOSONG, PENGGAL KOSONG,  
PARLIMEN KOSONG TAHUN**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI EMPIANG JABU**  
**TARIKH : 21 DISEMBER 2005 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Dato' Sri Empiang Jabu** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk meningkatkan penyertaan dan aktiviti warga tua di dalam masyarakat baik di bandar ataupun di pekan-pekan kecil di Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua, Kebajikan dan kesejahteraan warga emas merupakan salah satu bidang utama bagi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dasar Warga Tua Negara telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 25 Oktober 1995 yang bertujuan mewujudkan masyarakat warga emas yang sejahtera, bermaruah, mempunyai martabat diri yang tinggi dengan mengoptimumkan potensi yang ada pada mereka serta menentukan mereka menikmati semua peluang di samping dapat penjagaan dan perlindungan sebagai ahli keluarga, masyarakat dan Negara. Dasar ini menggabungkan agensi-agensi Kerajaan, badan-badan bukan kerajaan, pihak swasta, masyarakat dan orang perseorangan dalam usaha merealisasikan lebih 60 program dan aktiviti untuk warga emas melalui Pelan Tindakan Warga Tua yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada bulan Disember 1998. Pelan Tindakan ini memberi penekanan kepada beberapa komponen penting iaitu, jagaan, kesihatan, perumahan, kemudahan sosial dan rekreasi, penyelidikan dan pembangunan, pendidikan dan latihan serta program advokasi bagi menentukan kesejahteraan warga emas sepanjang hayat mereka. Program dan aktiviti yang dikenal pasti adalah untuk menentukan peranan aktif dan produktif di mana golongan warga tua, termasuk mereka di Sarawak, dapat terus menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara. Golongan warga tua digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan, pendidikan sepanjang hayat dan kesukarelaan. Dalam menentukan pelaksanaan Dasar Warga Tua Negara dan Pelan Tindakannya secara berkesan, semua pihak perlu komited dalam memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing untuk bersama-sama memastikan golongan warga emas menikmati segala kemudahan yang disediakan demi kesejahteraan hidup mereka. Penuaan aktif dan produktif adalah tanggungjawab bersama. Jawapan Disediakan Oleh:- 1) Nama : Encik Ibrahim bin Mohd. Yusof 2) Jawatan : Penolong Pengarah 3) Bahagian : Warga Tua dan Keluarga, JKM 4) No. Tel. : 03-26165864 Jawapan Diluluskan Oleh:- 1) Nama : Dato' Shamsiah binti Abdul Rahman 2) Jawatan : Ketua Pengarah, JKM Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1) Nama : Encik Abas bin Abdul Rahman 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha I MAKLUMAT

## **NO SOALAN: 24**

TAMBAHAN Bagi memastikan warga emas yang miskin tidak terpinggir dari mengecapi kemajuan Negara, JKMM telah menyediakan pelbagai program sokongan dalam masyarakat yang membolehkan keluarga dan masyarakat menjaga warga tua. Antara program yang dimaksudkan ialah :

1. Bantuan Orang Tua (BOT) dengan kadar RM135.00 sebulan untuk warga emas yang miskin - - Bilangan penerima BOT tahun 2004 ialah 12,935 orang dengan bantuan bernilai RM19,716,358; - Bilangan penerima BOT tahun 2005 (sehingga September) ialah 23,334 orang dengan bantuan bernilai RM 26.5 juta.
2. Peruntukan membaiki rumah juga disediakan untuk warga emas supaya mereka boleh terus tinggal dalam masyarakat. Kadar maksimum bantuan ialah RM3,000 bagi sebuah rumah.
3. Salah satu perkhidmatan yang dikenalpasti dalam Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara yang berteraskan sokongan dan penglibatan komuniti ialah Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWE) dan Pusat Aktiviti Warga Emas. Kedua-dua program ini mengambil kira keperluan warga emas untuk terus hidup dalam suasana kekeluargaan serta pembangunan potensi yang ada pada mereka untuk menyumbang khidmat bakti dan kepakaran mereka kepada masyarakat setempat. Sebanyak 19 buah PJHWE telah diluluskan untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Ke Lapan (2001-2005) dengan kos RM15 juta dan sehingga kini 15 buah telah disiap dibina dan beroperasi. Empat lagi akan siap dibina pada tahun 2006. Setiap PJHWE dibina dengan kos RM450,000 untuk infrastruktur fizikal dan RM30,000 untuk pembelian peralatan. Geran penyenggaraan berjumlah RM33,330 setiap PJHWE setahun disediakan oleh KPWKMM untuk membantu pihak yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pelaksanaan PJHWE. Pendekatan Perkongsian Bijak tiga pihak dilaksanakan untuk PJHWE di mana Kerajaan Pusat menyediakan bantuan kewangan, Kerajaan Negeri menyediakan tapak dan pertubuhan sukarela kebajikan (Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia) mengendalikan program harian melalui JK Pengurusan PJHWE. Antara aktiviti yang dijalankan di PJHWE ialah : - Latihan/kursus yang bersesuaian dan menarik - Khidmat pemeriksaan kesihatan - Terapi/pemulihan - Program keagamaan - Sukan/rekreasi - Khidmat sukarela/kemasyarakatan

15 PJHWE yang telah beroperasi ialah:-

1. PJHWE Kg. Cheras Baru, Kuala Lumpur;
2. PJHWE Kg. Ketoyong, Tg. Malim, Perak;
3. PJHWE Sg. Sikamat, Seremban, Negeri Sembilan;
4. PJHWE Bukit Payong, Marang, Terengganu;
5. PJHWE Kg. Geylang, Pekan, Pahang;
6. PJHWE Kg. Gali, Raub, Pahang;
7. PJHWE Besut, Terengganu;
- 8.

## **NO SOALAN: 24**

PJHWE Parit Keroma, Muar, Johor; 9. PJHWE Jalan Hj. Manan, Kluang, Johor; 10. PJHWE Sg. Kob, Kulim, Kedah; 11. PJHWE Jenjarom, Kuala Langat, Selangor; 12. PJHWE Krokop, Miri, Sarawak; 13. PJHWE Jalan Tras, Bentong, Pahang; 14. PJHWE Bukit Baru, Melaka Tengah, Melaka; dan 15. PJHWE Sandakan, Sabah. Bilangan warga emas yang menikmati kemudahan di PJHWE ialah seramai 2,935 orang.

4. Program lain yang telah dilaksanakan ialah :

- i. Sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan pada 1 Oktober setiap tahun sejak 1992. Ini selaras dengan Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan merupakan satu usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pelbagai isu warga tua di samping memberi pengiktirafan dan penghormatan kepada warga emas atas jasa dan pengorbanan mereka;
- ii. Perkhidmatan kaunter dan tempat duduk khas bagi warga emas di pejabat kerajaan;
- iii. Konsesi tambang 50% bagi MAS dan KTM;
- iv. Pendidikan kesihatan;
- v. Kemudahan perubatan;
- vi. Kemudahan peralatan bantuan diri;
- vii. Perkhidmatan kesihatan komprehensif;
- viii. Latihan cara hidup sihat;
- ix. Penjagaan khusus di hospital/dalam komuniti; dan
- x. Program pendidikan keluarga.

5. Pada dasarnya kemasukan warga emas ke institusi adalah langkah yang terakhir. JKM menyediakan 9 buah Rumah Seri Kenangan atau rumah orang tua di seluruh negara yang boleh menempatkan 1,900 orang dan dua buah rumah pesakit melarat yang dikenali dengan nama Rumah Ehsan dengan muatan bagi 140 orang.

6. Pertubuhan sukarela juga menyediakan rumah perlindungan bagi warga emas seperti berikut :

- a) Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung (MPKSM) Rumah Sejahtera - 108 buah Bilangan penghuni - 932 orang
- b) Swasta/NGO lain : Bilangan rumah - 26 rumah Bilangan penghuni - 768 orang
- c) Rumah Orang Tua Tidak Berwaris di bawah PPRT : Bilangan projek - 30 buah Bilangan unit rumah - 316 rumah Muatan - 399 orang Bilangan sebenar - 295 orang